

# Graduan USIM terima pingat kecemerlangan

MUHAMMAD Iqmal Hisham Kamaruddin, 24, mencipta sejarah tersendiri buat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila menjadi graduan pertama USIM menerima Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman sejak ia diperkenalkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) pada 2010.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) itu merupakan penerima Anugerah Pelajaran DiRaja - Pingat Jaya Cemerlang dalam Majlis Konvokesyen Ke-12 USIM.

Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman itu disampaikan Menteri Pendidikan II merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YTAR, Datuk Seri Idris Jusoh dalam majlis khas di Memorial Tunku Rahman Putra, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Iqmal yang ditemani kedua ibu bapanya menerima sebutuk pingat perak padu 32gram dan wang tunai RM3,000. Dia juga merupakan seorang pelajar yang cemerlang di dalam akademik dan kokurikulum.

ia terbukti dengan penerimaan



MUHAMMAD Iqmal berjaya membuktikan USIM mempunyai mahasiswa berkualiti dan mampu bersaing dengan IPT lain.

Anugerah Dekan bagi setiap semester pengajian, penerima Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan anjuran Kementerian Pendidikan bagi Kategori Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik 2013 dan Anugerah Tokoh Perdana Siswa USIM 2013.

Selain itu, dia juga amat aktif dalam bidang

pengucapan awam khususnya debat. Iqmal telah dipilih mewakili Malaysia ke World Heritage Youth Forum Qatar 2014.

Menurut Iqmal, dia sangat bersyukur dan berbangga dengan penganugerahan berkenaan kerana segala sumbangan dan penglibatan dalam aktiviti universiti dan negara secara umumnya mendapat pengiktirafan YTAR.